



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 23 OGOS 2020**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|------------|--|---|
| 1. | MAQIS RAMPAS 16,200KG LEMAK BABI DARI BELANDA, SH NEGERI SELANGOR/KL/MELAKA/P.PINANG/KEDAH, SH -38 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 2. | 16 TAN LEMAK BABI DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -14 | |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|--|------------|
| 23/8/2020 | SINAR HARIAN | SELANGOR/ MELAKA/ P.PINANG/ KEDAH | 38 |

Maqis rampas 16,200kg lemak babi dari Belanda



Lemak babi yang disita di Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) Pulau Pinang pada Isnin lalu.

BUTTERWORTH - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas 16,200 kilogram (kg) lemak babi yang dibawa masuk dari Belanda di pintu masuk Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) Pulau Pinang di sini Isnin lalu.

Pengarahnya, Zarina Ramli berkata, pemeriksaan yang dilakukan mendapati lemak babi terbabit yang dibawa masuk itu tidak mematuhi syarat-syarat import seperti yang

dinyatakan dalam permit import Maqis iaitu tiada nama dan alamat loji dinyatakan pada label pembungkusan.

Menurutnya, siasatan mendapati tujuan dagangan itu dibawa masuk ke negara ini adalah sebagai bahan pembuatan biskut.

“Pemeriksaan keseluruhan ke atas kontena mendapati dagangan itu dianggarkan bernilai RM110,456.37 dan disita untuk tindakan lanjut,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|-------|---------|------------|
| 23/8/2020 | KOSMO | NEGARA | 14 |

Produk import untuk membuat biskut

16 tan lemak babi dirampas

Oleh SYALMIZI HAMID

SEBERANG PERAI – Kira-kira 16 tan lemak babi yang digunakan untuk membuat biskut dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang dalam satu pemeriksaan di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini, Isnin lalu.

Jurucakap Maqis negeri berkata, ketika operasi kira-kira pukul 9 malam itu, pihaknya mendapati satu kontena yang membawa masuk produk proses berkenaan diisi di dalam tong bersaiz 10 kilogram setiap satu.

“Siasatan lanjut mendapati ia tidak mematuhi syarat-syarat import seperti yang dinyatakan

dalam Permit Import Maqis iaitu tiada nama dan alamat loji pada label pembungkusan.

“Justeru sebanyak 16,200 kg lemak babi itu yang bernilai RM110,456.37 telah disita untuk tindakan lanjut.

“Tujuan dagangan dari Belanda itu diimport adalah sebagai bahan dalam pembuatan biskut,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM100,000 atau dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.



KIRA-KIRA 16 tan lemak babi yang digunakan untuk membuat biskut dirampas Maqis di Seberang Perai, Isnin lalu.